


Bab 1 :

## PENGENALAN



- 1.1 Sejarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
- 1.2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) Seksyen 5
- 1.3 Sejarah Dan Objektif Penubuhan Kadet Bomba Dan Penyelamat Malaysia
- 1.4 Organisasi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia







## SEJARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### PENGENALAN


1. 1883 – Pasukan Bomba Sukarela pertama Di Malaya dan di Selangor disertai seramai 15 orang diketuai H.F Bellamy.



2. 1883 – Pasukan Bomba Sukarela pertama di Kuala Lumpur seramai 13 orang diketuai oleh H.F Bellamy.


3. 1898 – Pasukan Bomba Sukarela di Pulau Pinang yang ditubuhkan oleh Syarikat Hutternberg & Co. Ltd.

4. 1927 - Pasukan Bomba pertama di Perak.



5. 1930an – Pasukan Bomba pertama di Melaka, Kelantan dan Negeri Sembilan.

6. 1947 – Pasukan Bomba pertama di Terengganu.



7. 1952 – Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba ditubuhkan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan.

8. 1956 – Anak Persekutuan Tanah Melayu yang pertama En. Othman bin Hj Abd Manan dilantik sebagai ketua.

9. 1969 – Kementerian Tempatan Dan Perumahan mencadangkan disatukan dalam sistem perlindungan kebakaran.

10. 1976 – Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia telah ditubuhkan oleh kerajaan.





11. 1977 – Jabatan Bomba dan Perbandaran Kuala Lumpur, Pulau Pinang Sabah Sarawak dan Melaka menyertai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.



12. 8 Januari 1997 – Jamaah Menteri telah bersetuju dengan perubahan nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

13. 21 Feb 1997 – Perdana Menteri Malaysia dengan rasminya mengumumkan dan melancarkan pertukaran nama, logo dan bendera di Genting Highlands.

### GAMBAR KENDERAAN BOMBA





## AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 341, SEKSYEN 5

### 1. Pendahuluan

#### 1.1 Latar belakang Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

- **1976** - Jabatan Perkhidmatan Bomba telah ditubuhkan oleh kerajaan. Pada masa ini tiada akta khusus yang mentadbir, mengurus dan mengelola Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia. Menerusi penyatuan Jabatan Bomba negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- **1977** - Jabatan Bomba Perbandaran Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Melaka menyertai Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia. Seterusnya Jabatan Perkhidmatan Bomba Negeri Sabah dan Sarawak menyertai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sejak Penubuhan Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia, tiada akta khusus yang mentadbir, mengurus dan mengelola Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia.

### Pengwujudan Akta 341

#### 1.1 Tarikh Persetujuan Di Raja

- 1974 - Draf Akta Bomba dan Akta Percegahan dikemukakan kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
- 1978 - Draf Akta Bomba dan Percegahan dan kebakaran disediakan oleh Peguam Negara.
- 1980 – Draf Akta Bomba yang baru disediakan dan dihantar kepada penasihat undang-undang Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
- 1981 – Penasihat Undang-Undang Kementerian mencatumkan Akta Bomba dan Akta Percegahan Kebakaran.
- Mac 1988 – Rang Undang-undang dibentangkan di Parlimen.
- 11 Mei 1988 – Rang Undang-undang dipersetujui oleh Yang Dipertuan Agong.
- 9 Jun 1988 – tarikh proses diwartakan.
- 1 Januari 1989 – Tarikh Pengukuasaan.



## 9 BAHAGIAN 63 SEKSYEN

1. Bahagian Permulaan
2. Bahagian Pentadbiran
3. Bahagian Penghapusan Bahaya Kebakaran
4. Bahagian Air dan Pili Bomba
5. Bahagian Perakuan Bomba
6. Bahagian Penguatkuasaan
7. Bahagian Siasatan Kebakaran
8. Bahagian Kumpulan Wang Kebajikan
9. Bahagian Pelbagai

### Seksyen 5 Akta 341 menerangkan tugas-tugas JBPM

1. Mengambil langkah-langkah yang sah bagi:-
  - i. Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran.
  - ii. Melindungi nyawa dan harta benda
  - iii. Menentukan adanya jalan keluar keselamatan
  - iv. Menyelenggara, mengawal selia yang sempurna dan menentukan adanya jalan keluar yang cukup dari semua premis yang ditetapkan sekiranya berlakunya kebakaran.
2. Menjalankan penyiasatan tentang sebab punca dan keadaan kebakaran
3. Melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk menyelamat nyawa dan harta benda semasa berlakunya apa-apa bencana.



## SEJARAH DAN OBJEKTIF PENUBUHAN KADET BOMBA

### PENGENALAN

1. 1985 - Sekolah Pertama yang menubuhkan pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia, Maktab Rendah Sains Mara Sultan Abdul Samad Negeri Sembilan.
2. 1989 – Mendapat persetujuan dari Kementerian Perlajaran Malaysia dan dijadikan salah satu program kurikulum bagi sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia.

### OBJEKTIF

1. Memupuk kesedaran tentang bahaya kebakaran dan langkah-langkah pencegahan.
2. Menyertai dan mengamalkan ilmu pengetahuan kebombaan salah satu cara hidup
3. Meningkatkan disiplin dan setia kawan bagi memupuk semangat yakin diri serta bertanggungjawab kepada harta benda dan masyarakat.
4. Menggerakkan kerjasama dan persefahaman antara ahli dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.
5. Mewujudkan suasana sekolah bebas dari bahaya kebakaran.
6. Menanam minat untuk memilih menjadi Pegawai Bomba Dan Penyelamat sebagai kerjaya.



## ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### MISI

Memberi perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan secara profesional dan unggul untuk melindungi nyawa harta benda dan alam sekitar serta memberikan perkhidmatan kemanusiaan dalam apa-apa bencana,

### VISI

Ke arah sebuah perkhidmatan kebombaan dan penyelamat berprestasi tinggi.

### SLOGAN


**“Sedia Menyelamat”**



### LOGO BOMBA



### BENDERA JABATAN





## ORGANISASI

- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
- Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
- Ketua Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Terdapat 2 orang Timbalan Ketua Pengarah :

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
  - ii. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Di bawah Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) :
- i. Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Dan Penyelamat
  - ii. Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
  - iii. Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
  - iv. Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jentera
  - v. Penolong Ketua Pengarah Bahagian Udara
- Di bawah Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) :
- i. Penolong Ketua Pengarah Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan
  - ii. Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan
  - iii. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
- Pengarah-Pengarah Negeri adalah terus di bawah tanggungjawab Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

